

## **BAB EMPAT**

### **PENGANALISISAN DATA**

#### **4.1 PENGENALAN**

Di dalam bab ini analisis dibuat berdasarkan pada data-data yang telah dikumpul hasil temubual dan perbincangan dengan peserta-peserta kajian, Ibu bapa peserta, guru-guru serta rakan sebaya. Setiap kes akan dilaporkan mengikut tajuk-tajuk berikut.

1. Kes-kes disiplin peserta
2. Pengaruh rakan sebaya
3. Pengaruh Sekolah
4. Pengaruh Keluarga
5. Perbincangan

#### **4.2 KES PERTAMA**

|                |   |                            |
|----------------|---|----------------------------|
| Nama Samaran   | : | Suresh                     |
| Tingkatan      | : | Empat                      |
| Umur           | : | 17                         |
| Pekerjaan bapa | : | Penjual aiskrim            |
| Pekerjaan Ibu  | : | Penoreh getah              |
| Cita - cita    | : | Ingin menjadi drebar lori. |

**(a) Kes - kes Disiplin**

Suresh adalah seorang pelajar yang suka ponteng kelas. Beliau seringkali ditangkap di atas kesalahan merayau-rayau di kawasan sekolah tanpa mengikuti pelajaran di kelas. Beliau juga telah 4 kali ditangkap atas kesalahan ponteng sekolah dan diberi hukuman. Beliau biasanya mengikut pelajar-pelajar sekolah lain yang juga ponteng sekolah dan melepak di pusat membeli belah pada waktu sekolah.

Beliau juga telah ditangkap atas kesalahan merokok di dalam tandas dan di kawasan semak yang terdapat di dalam kawasan sekolah. Beliau telah diberi amaran serta hukuman oleh guru disiplin. Perbuatan Suresh juga telah dimaklumkan kepada ibubapanya.

Suresh juga telah melibatkan diri dalam pergaduhan dengan pelajar-pelajar sekolah lain yang berdekatan dengan sekolah Suresh belajar. Punca pergaduhan adalah disebabkan oleh perselisihan pendapat mengenai pertandingan bola sepak.

Selain daripada itu Suresh juga sering menganggu pelajar lain semasa guru mengajar. Walaupun ditegur oleh guru yang mengajar, Suresh langsung tidak menghiraukan teguran guru.

**(b) Pengaruh Rakan Sebaya**

Suresh mempunyai ramai kawan yang sebangsa dengannya. Kebanyakan kawannya adalah terdiri daripada pelajar India dari sekolah yang sama. Beliau juga berkawan dengan pelajar-pelajar dari sekolah lain. Beliau juga mempunyai kawan di tempat tinggalnya yang terdiri daripada mereka yang tidak bersekolah dan yang telah berhenti.

Beliau seringkali bertemu dengan kawan-kawannya semasa datang ke sekolah dengan menaiki bas pada waktu pagi. Masa perjalanan dari rumah ke sekolah lebih kurang 20 minit. Di dalam perjalanan tersebut Suresh dengan rakan-rakannya sering mengusik pelajar perempuan dan suka membuat bising. Mereka juga menggunakan kesempatan ini untuk menghisap rokok dan biasanya sebatang rokok akan dikongsi oleh Suresh dengan rakan-rakannya. Perbuatan ini telah diakui oleh Suresh semasa perbualannya dengan pengkaji.

Suresh juga banyak menghabiskan masa dengan kawan-kawannya setelah sampai di sekolah pada waktu pagi. Pada kebiasaananya Suresh dan kawan-kawannya sampai di sekolah pada pukul 7.00 pagi, dan mereka mempunyai 30 minit untuk berbual-bual serta bersuka ria di kawasan yang telah ditetapkan oleh mereka sebagai pusat pertemuan. Selepas bertemu di situ mereka biasanya akan menceritakan tentang sesuatu hal yang tidak membawa faedah seperti cerita filem Tamil dan adakalanya tentang lagu-lagu daripada filem Tamil. Kesempatan ini juga digunakan untuk menghisap rokok.

Adakalanya Suresh melibatkan diri dalam pergaduhan kerana terlalu mengikut emosi disebabkan pendapatnya dalam sesuatu hal tidak diterima oleh kawan-kawannya yang lain.

Di kawasan sekolah Suresh biasanya akan bersama dengan kawan-kawannya dari sekolah yang sama. Mereka akan berkumpul di kawasan semak yang terdapat di belakang bangunan sekolah pada waktu rehat. Mereka berbual-bual dan adakalanya mereka menghisap rokok sekiranya didapati tiada pengawas atau guru yang memerhatikan mereka. Suresh dan kawan-kawannya juga kadangkala menggunakan kesempatan ini untuk terus keluar dari kawasan sekolah melalui pintu belakang dan melepak di pusat membeli belah yang terletak berhampiran dengan sekolah.

Pada waktu balik biasanya Suresh akan bertemu kawan-kawannya dari sekolah lain. Mereka akan menghabiskan sedikit masa di pusat membeli belah sebelum balik ke rumah.

Di kawasan tempat tinggalnya Suresh mempunyai kawan-kawannya yang tidak bersekolah. Suresh biasanya bermain bola sepak dengan mereka, dan adakalanya pergaduhan berlaku akibat daripada ketidaksefahaman yang berlaku di antara Suresh dengan rakan permainannya.

### (c) Pengaruh Sekolah

Kedudukan sekolah yang berdekatan dengan pusat membeli belah telah menyebabkan Suresh menghabiskan masa selepas waktu sekolah melepak dengan kawan-kawannya di situ. Suresh menceritakan bahawa dia berasa lebih selesa berbuat demikian daripada terus balik ke rumah.

Di sekolah juga Suresh tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran kerana tidak berapa faham Bahasa Melayu. Pencapaiannya dalam peperiksaan PMR (lampiran B) adalah sangat rendah. Beliau mengaku bahawa oleh kerana tidak faham Bahasa Melayu beliau tidak menunjukkan minat terhadap apa yang diajar oleh gurunya. Adakalanya beliau tidak membuat kerja rumah yang diberi oleh guru kerana tidak faham.

Suresh juga telah meluahkan perasaannya bahawa terdapat guru-guru yang membencinya kerana beliau selalu menganggu pelajar lain semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Beliau juga mengaku bahawa sebab guru-guru yang mengajarnya marah adalah kerana akibat daripada tindakannya yang selalu bercakap, ponteng kelas, tidak membuat kerja yang diberi oleh guru.

Hasil daripada temubual yang dilakukan di antara pengkaji dengan guru-guru yang mengajar Suresh, secara umumnya mereka memberi gambaran yang negatif terhadap Suresh. Mengikut guru Bahasa Melayu Suresh adalah seorang pelajar yang malas membuat kerja yang diberi. Soalan-soalan yang ditanya

sering tidak dapat dijawab olehnya. Suresh juga tidak dapat membaca dengan lancar. Walaupun boleh membaca tetapi tidak faham tentang apa yang dibacanya.

Mengikut guru Bahasa Inggeris Suresh adalah seorang yang selalu menganggu pelajaran semasa beliau mengajar. Walaupun beberapa kali ditegur dan dihantar kepada guru disiplin untuk mengambil tindakan, tetapi sikap Suresh tidak pernah berubah. Kerja yang diberi oleh guru biasanya tidak disiap oleh Suresh. Sekiranya ditanya oleh guru, Suresh akan memberikan berbagai-bagai alasan. Tulisan Suresh juga tidaklah begitu baik dan mempunyai banyak kesalahan ejaan.

Guru Matematik pula memberitahu bahawa Suresh langsung tidak berminat belajar matematik. Suresh tidak dapat menyelesaikan latihan-latihan yang diberi oleh guru. Mengikut guru tersebut Suresh adalah seorang pelajar yang lemah dan selalu bergantung kepada pelajar lain untuk membuat latihan-latihan yang diberi.

Guru Pengetahuan Moral pula berpendapat bahawa Suresh adalah seorang pelajar yang tidak boleh mendiamkan diri dan suka bercakap. Walaupun telah ditegur beberapa kali tetapi Suresh masih lagi tidak mengubah sikapnya itu. Suresh juga kurang bersopan semasa bercakap dengan guru. Dengan sikapnya itu guru Pengetahuan Moral telah putus asa untuk membetulkan sikap Suresh.

Dalam perbualan di antara pengkaji dengan Suresh. Suresh telah meluahkan perasaannya bahawa beliau tidak fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Beliau juga mengaku bahawa tidak faham apa yang diajar oleh guru-gurunya . Tambah lagi semua matapelajaran yang diajar di tingkatan empat adalah sangat rumit baginya.

Suresh juga tidak berapa suka dengan guru-guru yang mengajarnya kerana sering dimarah oleh guru di hadapan pelajar lain. Adakalanya guru memberi hukuman walaupun beliau tidak melakukan apa-apa kesalahan. Beliau juga mengaku suka keluar kelas semasa guru mengajar kerana tidak dapat mengikutinya. Adakalanya Suresh terus keluar daripada kelas untuk bertemu dengan kawan-kawannya yang menunggu di luar kelas.

#### **(d) Pengaruh Keluarga**

Keluarga Suresh terdiri daripada 10 orang. Suresh adalah anak ke empat dalam keluarganya. Beliau mempunyai 7 orang adik-beradik. 2 orang kakak telah berkahwin dan tinggal berselingan. Abangnya bekerja di Kuala Lumpur sebagai tukang kaya. Seorang adik perempuan belajar di Tingkatan 2 di sekolah yang sama dengan Suresh. 3 orang lagi adiknya bersekolah di Sekolah Tamil. Hubungan di antara adik beradik adalah sangat rapat dan biasanya pertelingkahan di antara adik beradik Suresh tidak kekal lama.

Bapa Suresh berumur 48 tahun dan bekerja sebagai penjual ais krim. Beliau biasanya keluar berniaga pada pukul 11.00 pagi dan balik lebih kurang 7.00 malam. Pendapatannya tidak banyak dan hanya dapat menampung perbelanjaan untuk mengurus keluarga. Ibu Suresh pula adalah seorang penoreh getah dan tidak mendapat gaji kerana telah meminjam wang daripada majikannya untuk kegunaan perbelanjaan perkahwinan kakak Suresh. Dengan itu keluarga Suresh hanya bergantung kepada pendapatan bapa sebagai punca pendapatan tunggal bagi segala perbelanjaan keluarga Suresh.

Rumah yang didiami oleh Suresh adalah jenis rumah papan yang saiznya agak sederhana. Rumah itu hanya mempunyai 2 buah bilik dan satu ruang tamu serta dapur. Kedua-dua bilik tersebut digunakan oleh ibubapa serta kakak dan adik-adiknya. Suresh biasanya tidur di ruang tamu. Barang-barang yang terdapat di dalam rumah itu disusun dengan baik. Di ruang tamu terdapat sebuah peti ais yang digunakan untuk menyimpan ais krim. Mereka juga mempunyai sebuah peti televisyen dan sebuah alat perakam video. Hampir setiap hari keluarga Suresh akan menghabiskan waktu malam menonton filem-filem Tamil terbaru.

Suresh tidak mempunyai sebuah tempat khas untuk membuat kerja-kerja sekolah ataupun untuk mengulangkaji pelajaran. Suresh biasanya menggunakan meja kecil yang terdapat di dapur untuk membuat kerja sekolah. Suresh juga mengaku bahawa beliau jarang-jarang mengambil buku dan mengulangkaji pelajaran kerana lebih berminat menonton filem-filem Tamil yang ditayangkan di rumahnya.

Ibubapa Suresh tidak pernah menyemak buku-buku pelajarannya dan apabila ditanya oleh pengkaji kepada bapa Suresh, beliau menjawab "saya bersekolah hanya Darjah 1 dan tidak tahu membaca dan menulis, bagaimana saya nak ajar anak saya"? Ibu Suresh juga tidak dapat membantu anaknya kerana tidak pernah bersekolah. Walaupun keadaannya begitu ibu bapa Suresh tidak mahu anak mereka ketinggalan dalam pelajaran.

Di rumah Suresh terdapat peraturan-peraturan yang perlu di patuhi oleh Suresh. Misalnya tidak boleh membuka radio dan televisyen. Tidak boleh keluar rumah tanpa kebenaran ibu bapa dan sebagainya. Pada kebiasaan Suresh menurut sahaja segala peraturan dan arahan yang diberi oleh ibubapanya. Sekiranya Suresh melanggar arahan tersebut beliau terpaksa menghadapi hukuman daripada bapanya selepas balik berniaga pada waktu malam.

Ibu Suresh sangat sayangkan Suresh. Biasanya segala permintaan Suresh akan cuba ditunaikannya. Beliau juga tidak melaporkan kesalahan yang dibuat oleh Suresh sekiranya beliau berasa kesalahan itu adalah ringan. Tetapi bapa Suresh adalah jenis orang yang bersikap tegas dan tidak menunjukkan kasih sayangnya secara terbuka kepada Suresh. Suresh sangat takut dengan ayahnya oleh itu segala hal tentang dirinya hanya akan diberitahu kepada ibunya.

Suresh mendapat RM1 untuk perbelanjaan sekolah pada setiap hari. Semasa perbualan dengan pengkaji Suresh mengaku bahawa beliau membelanjakan duit itu untuk membeli rokok. Perkara ini tidak diketahui oleh

keluarganya. Bagi Suresh beliau berasa bebas semasa di luar rumah oleh kerana itulah beliau banyak menghabiskan masa dengan kawan-kawannya semasa di sekolah dan juga selepas waktu sekolah. Suresh juga pernah bekerja di kedai runcit kawan bapanya untuk mendapatkan wang saku tetapi tidak tahan kerana terlalu sukar untuk melakukannya.

Hubungan di antara ibu dan bapa Suresh pada umumnya adalah baik. Adakalanya mereka bertengkar berkenaan dengan masalah keluarga. Pada masa pertengkaran Suresh biasanya mendiamkan diri dan tidak mencampuri hal mereka. Selepas pertelingkahan bapa Suresh biasanya dalam keadaan marah dan bertindak agresif kepada sesiapa sahaja yang menaikkan lagi kemarahannya. Bapa Suresh juga biasanya tidak memberi apa-apa penjelasan kepada Suresh sekiranya memberi hukuman.

#### **(e) Perbincangan**

Perbuatan salah laku Suresh adalah berpunca daripada pergaulan bebas dengan rakan-rakan sebayanya. Beliau mempunyai kesempatan bergaul dengan mereka terutamanya pada waktu pagi sebelum sesi persekolahan bermula dan pada waktu balik. Kebanyakan kawannya adalah mereka yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang tidak bertingkah laku baik. Suresh juga terikut-ikut dengan kehendak rakan-rakannya dan melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Rakan-rakannya juga adalah daripada di kalangan pelajar yang tidak mementingkan pelajaran. Jadi di sini jelas bahawa Suresh tidak mempunyai kawan yang boleh membentulkan sikapnya. Suresh juga berasa lebih seronok dan selesa bila bersama dengan kawan-kawannya. Ini telah menyebabkan beliau tidak sedar akan tindakannya yang tidak membawa apa-apa faedah kepada dirinya.

Ibu bapa Suresh juga tidak cuba untuk mengenal kawan-kawannya dan mereka tidak ambil apa-apa usaha untuk mengetahui tindak tanduk Suresh semasa beliau bersama kawan-kawannya. Ini memberi ruang kepada Suresh bertindak sesuka hati dan sering menimbulkan masalah.

Kedudukan sekolah yang berdekatan dengan pusat membeli belah agak sesuai bagi pelajar-pelajar seperti Suresh untuk ponteng sekolah dan melepak di kawasan tersebut. Pihak sekolah juga tidak mengambil apa-apa usaha yang berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Kelemahan Suresh dalam Bahasa Melayu telah menyebabkan beliau hilang minat dalam pelajaran. Ini adalah kerana untuk mengikuti setiap mata pelajaran di tingkatan empat memerlukan penguasaan Bahasa Melayu yang baik. Walaupun sikapnya yang selalu menganggu pelajar lain menjadi satu amalan baginya, tetapi tindakan yang tegas tidak diambil untuk mengatasi masalah ini.

Para guru yang mengajar Suresh juga tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam membantu masalah yang dihadapi oleh Suresh. Mereka hanya bergantung kepada guru disiplin untuk mengambil tindakan. Ini memberi gambaran yang negatif kepada Suresh terhadap guru-gurunya. Suresh berasa dirinya sebagai pelajar yang tidak berguna. Anggapan begini telah memburukkan lagi keadaan Suresh dan membolehkan beliau terus mengasingkan diri daripada guru-guru dan melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Ibu bapa Suresh juga tidak begitu faham tentang cara yang betul membesarikan seseorang anak. Mereka berpendapat tanggungjawab ibu bapa adalah sekadar memberi makan minum kepada anak dan menghantarnya ke sekolah. Mereka tidak memberi tunjuk ajar yang betul kepada Suresh. Mereka juga tidak menyediakan tempat khas kepada Suresh untuk membuat kerja-kerja sekolah dan mengulangkaji pelajaran.

Amalan mereka menonton video hampir setiap hari telah menjelaskan minatnya terhadap pelajaran. Ini adalah kerana Suresh lebih seronok menonton video daripada mengulangkaji pelajaran. Ibu bapa Suresh juga tidak menetapkan peraturan ataupun masa yang sesuai untuk Suresh belajar. Walaupun bapanya mengambil tindakan yang tegas terhadap Suresh sekiranya membuat kesalahan tetapi bapanya tidak pernah memberi penjelasan kepada tindakannya.

Dengan ini dapatlah membuat kesimpulan bahawa pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga telah memainkan peranan yang penting dalam diri Suresh dan seterusnya menyebabkan beliau melibatkan diri dalam masalah disiplin.

#### **4.3 KES KEDUA**

|                |                          |
|----------------|--------------------------|
| Nama Samaran   | : Raj                    |
| Tingkatan      | : Empat                  |
| Umur           | : 17 tahun               |
| Pekerjaan Bapa | : Pekerja kilang         |
| Pekerjaan Ibu  | : Suri rumah tangga      |
| Cita-cita      | : Ingin menjadi akauntan |

##### **(a) Kes-kes Disiplin**

Raj telah melibatkan diri dalam beberapa kes yang dianggap serius. Raj pernah mencuri topi keledar pelajar lain yang disimpan di dalam kelas. Bagi kes tersebut pihak sekolah telah menghubungi bapa Raj dan telah memberi amaran keras akan mengambil tindakan tegas terhadap Raj sekiranya melibatkan diri dalam salahlaku seperti itu pada masa hadapan. Raj juga pernah dihukum oleh pihak sekolah atas kesalahan melawan cakap guru.

Kesalahan-kesalahan lain yang dilakukan oleh Raj ialah seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, merokok dan suka mengejek pelajar lain. Raj juga sering diberi amaran oleh guru disiplin atas kesalahan menggunakan kata-kata lucu semasa bercakap dengan pelajar-pelajar lain. Nama Raj telah dicatatkan banyak kali dalam Buku Rekod Kesalahan Pelajar. Raj juga suka keluar dari kelas sekiranya dia dapat sesuatu pelajaran itu tidak menarik minatnya.

**(b) Pengaruh Rakan Sebaya**

Raj mempunyai ramai kawan. Kawan-kawannya adalah terdiri daripada mereka yang bersekolah dan tidak bersekolah. Raj juga mempunyai kawan yang telah bekerja. Raj menghabiskan masa lapang selepas sekolah bersama dengan kawan-kawannya melepak di pusat membeli-belah. Pada waktu petang mereka bermain bola sepak di padang yang terletak di kawasan kediamannya.

Adakah Raj membawa motosikal bapa tanpa pengetahuannya pergi bersiar-siar di pekan berdekatan dengan kawan-kawannya. Raj tidak mempunyai lesen memandu tetapi agak berani dan tidak menghiraukan nasihat ibunya tentang keselemanan Raj.

Pada hari-hari tertentu Raj akan mengikut kawan-kawannya yang telah bekerja pergi menonton wayang di panggung wayang yang terletak di bandar Seremban. Beliau menggunakan kesempatan ini bermain permainan video dan snuker serta melepak di pusat-pusat membeli belah di bandar Seremban. Emak

Raj tidak dapat mengawal perbuatan Raj kerana Raj bukanlah jenis anak yang mengikut arahan ibu. Bapa Raj jarang berada di rumah kerana waktunya bekerjanya adalah dari 7.00 pagi hingga 7.00 malam. Oleh itu Raj agak bebas mengikut kawan-kawannya dan bertindak sesuka hati. Ibu Raj tidak melaporkan perkara ini kepada bapanya kerana tidak sanggup melihat anaknya dipukul oleh suami.

Di Sekolah Raj biasanya akan mengikut kawan-kawannya yang tidak minat belajar. Kebanyakan kesalahan yang dibuat oleh Raj adalah akibat daripada terlalu terikut-ikut dengan kehendak kawan-kawannya. Raj juga pernah ponteng sekolah bersama kawan-kawannya dan pergi ke gunung berdekatan untuk mandi di air terjun. Raj lebih mengutamakan keseronokan bagi dirinya. Beliau sanggup ponteng kelas dan ponteng sekolah semata-mata ingin berseronok. Raj juga tidak mementingkan pelajaran yang dapat menjamin masa depannya.

Raj juga menghabiskan masa lapangnya pada waktu malam duduk dan bercakap kosong dengan kawan-kawannya di simpang jalan yang terletak berdekatan rumahnya. Mereka juga biasanya menganggu gadis-gadis yang lalu di kawasan tersebut. Apa yang diketahui daripada hubungan Raj dengan kawan-kawannya beliau sanggup melupakan pelajaran yang menjamin masa depan semata-mata ingin bersama kawan-kawannya dan melibatkan diri dalam perbuatan yang tidak membawa apa-apa faedah kepada Raj.

### (c) Pengaruh Sekolah

Raj biasanya pergi ke sekolah dengan menaiki bas. Beliau mempunyai satu kumpulan kawan yang datang bersamanya. Selepas sampai di sekolah Raj bersama kawannya berkumpul di kawasan yang ditetapkan oleh mereka dan berjumpa dengan pelajar-pelajar lain. Raj akan menghisap rokok bersama kawan-kawannya.

Pencapaian PMR Raj adalah tidak memuaskan (Lampiran C) dan beliau telah ditempatkan di dalam kelas yang rata-ratanya terdiri dri pada pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran. Raj menghadapi masalah dalam menumpukan perhatian terhadap pelajaran kerana segala mata pelajaran di Tingkatan 4 adalah sangat sukar baginya. Raj hanya berminat mata pelajaran Pendidikan Seni serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Raj juga menghadapi kesukaran membaca Bahasa Melayu secara lancar dan tidak berapa faham tentang apa yang dibacanya. Ini menyebabkan beliau hilang minat dalam pelajaran dan melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak berfaedah.

Mengikut guru Bahasa Melayu, Raj adalah seorang pemalas dan seringkali tidak menyiapkan kerja rumah yang diberi olehnya. Raj juga tidak dapat membaca dengan lancar dan penulisannya sering terdapat kesalahan ejaan. Menurutnya lagi Raj seorang pelajar yang tidak boleh duduk diam di dalam kelas. Seringkali membuat sesuatu untuk menarik perhatian orang lain. Raj juga tidak

dapat menulis sesuatu ayat dengan struktur bahasa yang betul. Ini menyebabkan beliau menghadapi kesukaran menulis karangan dalam Bahasa Melayu.

Menurut guru Bahasa Inggeris Raj tidak boleh membaca Bahasa Inggeris dengan baik. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran Raj hanya mendiamkan diri sahaja dan tidak banyak bercakap. Latihan yang diberi oleh guru disiapkannya dengan menyalin daripada buku kawan. Guru Bahasa Inggeris juga tidak menghiraukan tentang perkara ini selagi Raj tidak menimbulkan masalah di dalam kelas.

Raj tidak gemar matapelajaran Matematik kerana ianya agak sukar difahami. Matapelajaran ini juga memerlukan latihan yang banyak. Kelemahan dalam peserta ini adalah berpunca dari sikap Raj yang kurang mengulangkaji dan tidak membuat kerja-kerja yang diberi oleh guru matematik. Raj hanya bergantung kepada rakan-rakannya untuk menyiapkan kerja yang diberi dengan menyalin daripada buku kawan.

Menurut guru Pengetahuan Moral pula Raj tidak menghafal nilai-nilai yang patut dihafal oleh pelajar Tingkatan 4. Raj juga tidak menunjukkan sikap yang baik terhadap guru. Guru ini adalah seorang yang peramah dan biasanya tidak tegas dengan pelajar. Raj mengambil kesempatan ini dengan tidak menghormati guru tersebut. Guru tersebut juga mengaku bahawa beliau pernah diejek oleh Raj. Walaupun telah diberi nasihat oleh guru tersebut tetapi Raj tidak pernah mengubah sikapnya.

Raj juga telah diberi amaran dan hukuman oleh guru disiplin di atas kesalahan ponteng kelas, mengejek guru dan sebagainya. Semasa waktu sekolah Raj pernah ponteng sekolah bersama kawan-kawannya yang lain dan melepak di pusat membeli belah yang terletak berdekatan dengan sekolah. Raj juga pernah ditangkap oleh polis melepak di stesen bas bandar Tampin pada waktu sekolah.

Raj juga telah meluahkan perasaannya bahawa beliau tidak berminat bersekolah kerana tidak boleh faham apa yang dipelajarinya. Menurut beliau guru-guru yang mengajarnya sering memarahinya dan mereka selalu mengejek sekiranya beliau tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh guru. Menurutnya lagi guru-guru tidak memahami yang beliau kurang fasih dalam Bahasa Melayu. Mereka juga tidak mengambil tahu tentang keperluan dan juga masalah-masalah yang dihadapinya. Ini telah menyebabkan Raj telah hilang minat untuk belajar, dan seringkali terlibat dalam masalah disiplin.

#### **(d) Pengaruh Keluarga**

Raj adalah anak ketiga dalam keluarganya yang mempunyai 4 orang anak. Seorang kakaknya telah berkahwin dan menetap dengan suaminya di Pulau Pinang. Kakak keduanya bekerja di sebuah kilang yang terletak di kawasan perindustrian Senawang, Seremban. Seorang adik perempuannya belajar di sekolah Tamil Tampin. Raj merupakan anak lelaki tunggal dalam keluarganya. Ini menyebabkan ibubapanya sangat memanjakan Raj sehingga beliau bebas

melakukan apa sahaja yang disukainya. Misalnya keluar rumah apabila suka dan balik sesuka hati.

Ayahnya adalah seorang pekerja kilang dan masa kerjanya adalah dari 7 pagi hingga 7 malam. Beliau balik ke rumah lebih kurang pada pukul 9 malam kerana tempat kerjanya yang jauh dari rumah. Pendapatannya sebanyak RM900 adalah cukup untuk menyara keluarganya. Bapanya sangat sayang kepada Raj dan biasanya cuba menuaikan permintaan Raj. Walaubagaimanapun bapa Raj agak serius dalam mengawal tingkah laku Raj yang mana beliau sedar tentang masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Raj di sekolah dan di rumah. Ayah Raj telah beberapa kali ke sekolah untuk berjumpa dengan guru disiplin untuk berbincang tentang kes-kes disiplin Raj. Beliau mengeluh bahawa tidak mempunyai masa untuk memberikan perhatian yang lebih kepada Raj.

Raj juga sangat takut kepada bapanya. Raj tidak akan pergi ke mana-mana sekiranya bapa beliau berada di rumah. Biasanya Raj menghabiskan masa di rumah berbual-bual dengan kakak dan adiknya. Boleh dikatakan hampir setiap hari Raj dan keluarganya menonton filem Tamil yang ditayangkan melalui alat perakam video.

Ibu Raj juga sangat sayangkan anaknya. Beliau tidak mahu Raj bersusah payah membuat sesuatu kerja. Segala urusan menjaga Raj dibuat olehnya. Setiap hari ibunya memberi RM2.00 untuk perbelanjaan sekolah Raj. Raj biasanya menggunakan wang tersebut untuk membeli rokok. Ibu Raj juga

jarang-jarang memberitahu suaminya tentang kelakuan negatif Raj. Ini adalah kerana beliau bimbang suaminya akan memukul Raj. Walaubagaimanapun beliau risau tentang kelakuan anaknya yang sering terlibat dalam kes-kes disiplin di sekolah. Beliau juga bimbang dengan sikap anaknya yang tidak mementingkan pelajaran.

Rumah Raj adalah daripada jenis rumah murah yang mengandungi 2 buah bilik tidur, satu ruang tamu dan sebuah dapur. Raj berkongsi bilik dengan adiknya, manakala sebuah bilik lagi dikongsi oleh emak dan kakaknya. Ayahnya pula tidur di ruang tamu. Rumahnya mempunyai segala perkakas dan alatan yang sepatutnya diperlukan di sebuah rumah.

Ayah Raj hanya bersekolah hingga Darjah 6 di Sekolah Tamil. Emaknya pula telah berhenti sekolah semasa di darjah 4. Mereka tidak menyemak buku-buku Raj dan tidak pernah membimbingnya dalam pelajaran. Bapa Raj juga tidak memperuntukkan masa untuk berbincang dengan Raj mengenai masalah-masalah yang dihadapinya. Raj juga takut untuk meluahkan perasaan kepada bapanya.

#### **(e) Perbincangan**

Perbuatan salah laku Raj adalah disebabkan oleh kombinasi pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga. Ini adalah kerana rakan-rakannya adalah dikalangan mereka yang telah bekerja. Beliau juga mempunyai kesempatan

yang lebih untuk keluar ke mana-mana dia suka. Rakan-rakannya bukanlah boleh menjadi contoh kepada Raj untuk diikutinya. Mereka sering ke pusat-pusat hiburan bermain snuker dan sebagainya. Di sini jelas bahawa Raj lebih dipengaruhi oleh rakan-rakannya dan sanggup mengikut mereka ke mana sahaja pergi.

Di sekolah juga Raj hanya bergaul dengan pelajar-pelajar yang tidak mementingkan pelajaran dan suka ponteng sekolah. Beliau juga sanggup ponteng semata-mata ingin berseronok dengan mereka. Tidak ada orang yang dapat mengawal dan menyedarkannya tentang kerja-kerja yang tidak berfaedah ini.

Di sekolah pula beliau menghadapi masalah dalam pelajaran kerana tidak mahir dalam Bahasa Melayu. Ini telah menyebabkan beliau tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran. Sikap guru yang selalu menganggap beliau sebagai pelajar malas dan tidak bersopan telah menambahkan lagi kebencian Raj terhadap pelajaran. Di sekolah tidak ada orang yang boleh membantunya dalam pelajaran, yang ada hanyalah kawan-kawannya yang lemah dalam pelajaran.

Di rumah ibunya pula tidak dapat mengawal Raj daripada keluar rumah sesuka hati. Ibu Raj juga telah membuat satu kesilapan besar dengan tidak memberitahu tingkah laku negatif Raj kepada bapanya. Ini telah memberikan ruang yang banyak kepada Raj untuk bertindak sesuka hatinya. Sikap ibu yang

suka memanjakan anak dan tidak memberi nasihat kepada anak tentang sikap betul yang perlu diamalkannya telah merumitkan lagi keadaan.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga saling berkait dalam mempengaruhi Raj melibatkan diri dalam masalah disiplin.

#### **4.4 KES KETIGA**

Nama samaran : Nathan

Tingkatan : 4

Umur : 17 tahun

Pekerjaan bapa : Pemandu lori

Pekerjaan Ibu : Pekerja kilang

Cita-cita : Pemandu bas

##### **(a) Kes-kes Disiplin**

Nathan telah melibatkan diri dalam beberapa kes disiplin seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, merokok dan bergaduh. Beliau telah ditangkap sebanyak 5 kali di atas kesalahan ponteng kelas dan diberi amaran serta hukuman. Nathan telah ditangkap atas kesalahan merokok di kawasan sekolah sebanyak 2 kali.

Nathan juga pernah melibatkan diri dalam pergaduhan dengan pelajar-pelajar dari sekolah berdekatan. Pergaduhan ini telah berlaku apabila kawan Nathan telah diberi amaran supaya tidak mengusik pelajar perempuan sekolah berdekatan. Ini telah menyebabkan Nathan dan kawan-kawannya pergi ke sekolah berkenaan untuk membala dendam bagi pihak kawannya. Perkara ini telah dirujuk kepada guru disiplin dan akhirnya diberi hukuman kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam pergaduhan.

Nathan juga sering menganggu pelajar lain semasa guru sedang mengajar. Beliau juga pernah diberi amaran dan nasihat oleh guru disiplin di atas kesalahan menggunakan kata-kata luah kepada pelajar lain.

#### **(b) Pengaruh Rakan Sebaya**

Nathan mempunyai kawan dari sekolah yang sama dengannya. Beliau juga berkawan dengan pelajar-pelajar India yang tinggal di kawasan kediamannya. Kawan-kawannya juga adalah daripada golongan yang tidak mementingkan pelajaran. Setiap hari Nathan datang ke sekolah bersama kawan-kawannya dengan berjalan kaki.

Nathan biasanya tidak hadir ke sekolah sekiranya kawan-kawan yang biasa mengikutnya ke sekolah tidak hadir. Nathan sangat terpengaruh dengan tingkah laku kawan-kawannya. Beliau menyimpan stail rambut dan memakai subang pada satu telinga sahaja seperti kawan-kawannya. Beliau berasa agak

selesa bergaul dengan rakan-rakannya kerana mereka dalam kebanyakan hal mempunyai citarasa yang sama.

Pada waktu pagi sebelum datang ke sekolah Nathan dan kawan-kawannya akan singgah di sebuah kedai yang biasa mereka pergi dan membeli rokok untuk dihisap dalam perjalanan ke sekolah. Adakalanya Nathan dan rakan-rakannya lambat sampai di sekolah dan ponteng perhimpunan yang biasa diadakan pada setiap pagi.

Di sekolah Nathan bertemu dengan kawan-kawannya pada waktu rehat. Mereka berbual-bual tentang perkara-perkara yang tidak berfaedah, Nathan juga biasanya akan keluar daripada kelas tanpa pengetahuan guru untuk bersama dengan kawan-kawannya yang turut ponteng kelas. Adakalanya Nathan ponteng sekolah dan mengikut kawan-kawannya yang turut ponteng melepak di Taman Rekreasi Tampin yang terletak tidak jauh dari sekolah. Walaupun guru disiplin dengan bantuan polis pernah membuat operasi dan menangkap serta memberi hukuman tetapi tingkahlaku Nathan tidak pernah berubah.

Selepas waktu sekolah Nathan tidak terus balik ke rumah, beliau akan melepak di pusat membeli belah yang terletak berdekatan dengan sekolah bersama kawan-kawannya. Beliau juga mengambil kesempatan ini untuk bermain di pusat hiburan. Alasan balik lambat tidak perlu diberi kepada ibubapanya kerana mereka hanya balik ke rumah pada waktu malam.

Pada waktu malam Nathan juga keluar dengan kawan-kawannya dan merayau-rayau di bandar Tampin. Tempat yang biasa disinggah oleh mereka ialah pusat hiburan. Nathan bebas bergerak begini kerana bapanya balik lewat malam dan ibunya pula tidak dapat mengawal tingkahlaku Nathan.

### (c) Pengaruh Sekolah

Di sekolah Nathan menghadapi masalah dalam pembelajaran dan sering melibatkan diri dalam masalah disiplin. Keputusan PMR beliau adalah tidak memuaskan ( lampiran D ). Oleh yang demikian Nathan ditempatkan di sebuah kelas yang kebanyakannya pelajarnya lemah. Di sini beliau hanya berkesempatan bergaul dengan pelajar-pelajar yang sama taraf dengannya dalam pendidikan. Ini telah menyebabkan Nathan langsung hilang minat dalam pelajaran kerana tidak ada pelajar yang boleh membantunya dalam pelajaran.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Nathan ialah beliau sangat lemah dalam Bahasa Melayu. Ini telah menyebabkan beliau tidak faham apa yang diajar oleh gurunya. Beliau juga mengaku tidak fasih bercakap dalam Bahasa Melayu. Selain dari itu Nathan juga mendapati agak sukar untuk mempelajari matapelajaran lain kerana penguasaan Bahasa Melayu yang lemah.

Mengikut guru Bahasa Melayunya Nathan memang lemah dalam bahasa tersebut dan tidak dapat menulis sesuatu ayat dengan struktur yang betul. Terdapat juga kesalahan ejaan dalam penulisannya. Nathan juga jarang membuat

kerja rumah yang diberikan kepadanya. Di dalam kelas beliau sering menimbulkan masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Walaupun ditegur oleh guru tetapi Nathan tidak menghiraukannya. Kelemahan bahasa yang dihadapi oleh Nathan telah menyebabkan beliau hilang minat dalam pelajaran dan terus melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Guru Bahasa Inggeris pula memberitahu bahawa Nathan adalah seorang pelajar yang malas dan langsung tidak menunjukkan minat dalam pelajaran. Nathan biasanya tidak banyak cakap semasa matapelajaran bahasa Inggeris kerana tidak berapa faham dan tidak boleh bercakap dalam bahasa tersebut. Kerja-kerja yang diberi oleh guru biasanya tidak dibuat oleh Nathan dengan alasan beliau tidak faham. Sekiranya didesak oleh guru maka Nathan akan cuba menyiapkan kerja-kerja yang diberi dengan menyalin daripada buku kawannya.

Matapelajaran Matematik pula langsung tidak disukai oleh Nathan kerana tidak faham. Nathan juga tidak mengambil usaha untuk mempelajari matapelajaran tersebut kerana guru yang mengajar subjek tersebut selalu marahnya jika tidak membuat kerja. Guru Matematik Nathan pula memberitahu bahawa Nathan tidak boleh membuat kira-kira yang asas dan memang sukar bagi Nathan untuk mengikuti subjek ini di peringkat tingkatan 4. Beliau juga telah memberi nasihat kepada Nathan untuk membetulkan sikapnya itu, tetapi tidak dihiraukan oleh Nathan.

Menurut guru Pengetahuan Moral Nathan adalah seorang pelajar yang tidak mempunyai nilai kesopanan. Nathan akan keluar kelas sesuka hati dan masuk ke dalam kelas melalui pintu belakang. Walaupun ditegur dan dihantar kepada guru disiplin untuk diambil tindakan tetapi tidak ada apa-apa perubahan ke atas diri Nathan. Beliau juga mengaku Nathan selalu menggunakan kata-kata lucah terhadap pelajar lain dan tidak menghiraukan tentang perasaan mereka. Semasa aktiviti kumpulan dijalankan Nathan biasanya menganggu pelajar lain dan tidak memberi apa-apa sumbangan kepada kumpulan tersebut. Oleh yang demikian pelajar-pelajar lain tidak suka mengambil Nathan sebagai ahli kumpulan mereka.

Nathan mengaku bahawa beliau menghadapi kesukaran dalam mengikuti pelajaran di tingkatan 4 yang baginya sangat sukar. Ditambah lagi kelemahannya dalam Bahasa Melayu telah membuatkan beliau hilang minat untuk belajar. Nathan juga berasa beliau dibenci oleh guru-guru yang mengajarnya. Ini menyebabkan beliau tidak dapat mendampingi guru-guru yang mengajarnya untuk mendapatkan bantuan.

Kebosanan dalam pelajaran menyebabkan beliau seringkali ponteng kelas dan adakalanya beliau ponteng sekolah bersama kawan-kawannya melepak di pusat membeli belah. Nathan juga sangat takut dengan guru disiplinnya kerana mengambil tindakan tegas terhadapnya jika membuat kesalahan. Guru disiplin juga telah putus asa dengan kelakuan Nathan kerana walaupun tindakan diambil tetapi Nathan tidak mengubah kelakuannya.

Kebanyakan guru yang mengajar Nathan tidak mengambil berat untuk membantu Nathan kerana beliau bukanlah pelajar yang suka mendengar nasihat guru. Bagi mereka adalah sia-sia memberi nasihat kepadanya kerana sikapnya yang tidak menghormati guru dan tidak mempunyai kesedaran untuk membaiki dirinya.

#### **(d) Pengaruh Keluarga**

Keluarga Nathan terdiri daripada 5 orang. Nathan merupakan anak pertama dalam keluarga. Adik perempuannya belajar di sekolah yang sama dengan Nathan di tingkatan 2. Adik perempuan yang seorang lagi belajar di Tahun 3 di sekolah Tamil.

Rumah Nathan diperbuat daripada papan dan berlantaikan simen . Rumahnya mengandungi 3 buah bilik tidur , sebuah ruang tamu dan dapur. Di dapur terdapat sebuah almari untuk menyimpan semua barang yang diperlukan untuk memasak, sebuah peti ais dan sebuah meja. Di ruang tamu terdapat sebuah peti televisyen , radio dan beberapa buah kerusi. Nathan memiliki sebuah bilik untuk dirinya. Di dalam bilik tersebut terdapat sebuah almari , katil dan meja untuk membuat kerja-kerja sekolah. Sebuah bilik lagi dikongsi oleb bapa dan ibunya. Bilik yang satu lagi digunakan oleh kedua-dua adiknya.

Bapa Nathan bekerja sebagai pemandu lori. Beliau biasanya membawa barang- barang dari kilang majikannya dan menghantar ke tempat-tempat yang

diarahkan oleh majikan. Waktu bekerja beliau tidak tetap. Adakalanya beliau keluar awal pagi dan balik lewat malam. Terdapat masa di mana beliau tidak balik ke rumah untuk beberapa hari. Ini menyebabkan beliau tidak dapat memberi perhatian kepada Nathan. Walaupun beliau mengaku menerima surat dari sekolah berkenaan masalah disiplin Nathan tetapi tidak mempunyai masa untuk pergi ke sekolah Nathan dan bertemu dengan guru disiplin serta guru-guru yang mengajar Nathan. Peluang ini digunakan oleh Nathan untuk bertindak sesuka hati di sekolah. Ayah Nathan juga menyerahkan tugas mengasuh Nathan kepada isterinya.

Ibu Nathan pula bekerja di kilang yang terletak di kawasan perindustrian Air Keroh Melaka. Waktu bekerjanya adalah dari 7 pagi hingga 5 petang. Selepas bekerja beliau balik ke rumah pada pukul 7 malam kerana tempat kerjanya jauh daripada rumah. Ini menyebabkan Nathan bebas melakukan apa sahaja dalam tempoh itu. Kesempatan inilah yang digunakan oleh Nathan bergaul dengan rakan-rakannya dan pergi ke tempat-tempat yang disukainya. Nathan juga membiarkan kedua-dua adiknya bersendirian di rumah.

Ibu bapa Nathan tidak mempunyai masa untuk bersama Nathan dan anak-anaknya yang lain. Mereka tidak sedar akan tanggungjawab mereka membesarakan anak dengan betul. Nathan juga tidak mempunyai banyak masa untuk berbincang dengan ibu bapanya. Nathan hanya dapat meluangkan masa yang lama bersama keluarganya semasa cuti sahaja.

Bapa Nathan juga mengaku beliau tidak mempunyai masa yang cukup untuk memberi nasihat , bimbingan dan sebagainya. Ibu Nathan pula sibuk menguruskan kerja-kerja rumah selepas balik kerja pada pukul 7 malam. Nathan juga tidak dapat dikawal oleh ibunya kerana Nathan hanya takut pada ayahnya. Nathan juga melawan balik cakap ibunya, oleh itu emak Nathan biasanya menunggu suaminya balik dan laporkan kepadanya tentang kelakuan Nathan.

Bapa Nathan tidak memberi penjelasan kepada Nathan sekiranya beliau dihukum. Ini menambahkan kebencian Nathan kepada bapanya. Beliau juga tidak berani melawan cakap ayahnya kerana takut dikenakan hukuman yang lebih berat. Tiada peraturan yang ditetapkan oleh ayah Nathan terhadapnya. Ini juga telah memberi kelonggaran kepada Nathan untuk bertindak sesuka hati.

Akibat tiada peraturan dan tunjuk ajar yang betul daripada ibubapanya, Nathan terbawa-bawa sikap yang kurang sopan ke sekolah. Nathan juga tidak segan untuk mengeluarkan kata-kata lucu terhadap pelajar-pelajar lain di sekolah. Sikapnya yang tidak membuat kerja sekolah juga timbul akibat daripada tiada kawalan dan nasihat di rumah. Ibu bapa Nathan juga tidak membantu Nathan dalam pelajaran kerana mereka kurang berpendidikan. Bapa Nathan juga tidak pernah menyemak buku-buku sekolah Nathan kerana menganggap itu adalah urusan sekolah. Beliau berasa tugasnya selesai setakat menghantar anak ke sekolah.

### (e) Perbincangan

Nathan terlibat dalam salahlaku di sekolah adalah kerana pengaruh rakan sebaya , sekolah dan keluarga. Ini dapat dilihat di mana terdapat kaitan di antara ketiga-tiga pengaruh ini.

Di rumah Nathan tidak ada orang yang boleh menyekat pergerakannya. Beliau bebas melakukan apa sahaja sehingga ibunya balik dari kerja. Adik-adiknya juga tidak berani untuk menyebut sesuatu kerana takut akan dipukul oleh abangnya. Di rumah Nathan juga tidak ada peraturan yang ditetapkan untuknya. Apa sahaja dilakukannya pada tempoh masa itu tidak akan diketahui oleh sesiapa.

Bapa Nathan juga tidak mengambil apa-apa langkah untuk membetulkan keadaan. Beliau telah menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab menjaga anak kepada isterinya. Beliau juga tidak sedar bahawa isterinya tidak mampu mengawal anaknya itu. Bapa Nathan juga tidak memperuntukkan masa untuk Nathan bagi membincang masalah-masalah yang di hadapi olehnya. Beliau juga tidak mengambil tahu tentang apa yang dilakukan oleh Nathan semasa ketiadaannya. Inilah yang telah meberikan kesempatan yang lebih kepada Nathan untuk bertindak liar dan luar batasan.

Ibu Nathan juga tidak berupaya mengawal Nathan. Beliau tidak tegas dengan Nathan dan membiarkannya membuat sesuatu mengikut kehendaknya. Beliau juga telah memanjakan anaknya dengan memberi kebebasan yang lebih.

Alasan ibunya yang Nathan adalah satu-satunya anak lelaki yang dipunyainya dan tidak sampai hati untuk mengambil tindakan yang tegas tidak dapat diterima. Ini adalah kerana Nathan telah menggunakan ini untuk tidak menghormati ibu.

Kelonggaran yang terdapat dalam keluarga Nathan telah menyebabkan Nathan tidak memberikan perhatian dalam pelajaran dan tidak takut untuk menimbulkan masalah di sekolah.

Di sekolah pula masalah dalam Bahasa Melayu yang dihadapi oleh Nathan telah membuatkan beliau hilang minat untuk belajar. Nathan juga tidak dapat bantuan daripada mana-mana guru kerana sikapnya yang tidak hormati guru. Kelemahannya dalam pelajaran telah membuatkan beliau tidak ada minat untuk belajar dan seterusnya melibatkan diri dalam masalah disiplin

Rakan-rakan yang digaul oleh Nathan adalah daripada di kalangan pelajar yang lemah dalam pelajaran. Mereka tidak dapat membantu Nathan dalam mengatasi masalahnya dalam pelajaran. Rakan-rakannya juga telah mempengaruhi Nathan untuk bertindak melanggar disiplin sekolah kerana mereka juga adalah pelajar yang sering menimbulkan masalah di sekolah. Nathan juga tidak mempunyai orang yang boleh dicontohnya.

Jadi jelas di sini bahawa masalah disiplin yang ditimbulkan oleh Nathan adalah gabungan pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga.